

Headline	SPNB bina 9,000 unit rumah mesra rakyat		
MediaTitle	Kosmo		
Date	24 May 2017	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	197,202
Page No	52	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	133 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,465
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,394



SPNB bina 9,000 unit rumah mesra rakyat

SEMPORNA - Syarikat Perumahan Negara Bhd. (SPNB) membina sebanyak 9,000 unit Rumah Mesra Rakyat (RMRIM) di seluruh negara pada tahun ini.

Pengerusinya, Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad (**gambar**) berkata, sehingga kini pihaknya telah membina 40,000 unit RMRIM dengan bantuan kerajaan berbentuk subsidi sebanyak RM20,000.

"Kediaman jenis ini cukup popular dan setakat 30 April lalu, seramai 87,919 memohon RMRIM di seluruh negara termasuk 3,005 permohonan dari Sabah, telah kami terima.

"Daripada 3,005 permohonan di



Sabah, sebanyak 1,106 telah diluluskan dengan 894 unit rumah telah siap dibina, 140 unit pada fasa pembinaan dan 72 dalam peringkat dokumen perjanjian manakala terdapat 365 permohonan di negeri ini masih dalam senarai menunggu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada

pemberita selepas menyempurnakan program Jom Bantu Rakyat bersama SPNB di sini semalam.

Abdul Latiff berkata, pihaknya memberi keutamaan untuk membina lebih banyak RMRIM di Sabah dan Sarawak dan berharap proses pembinaan rumah berkenaan dapat ditambah baik.

"Di Sarawak, kami telah bina sebanyak 1,000 unit dan akan menambah 1,000 unit lagi, begitu juga di Sabah tetapi kami menghadapi keangan termasuk proses tanah sehingga menyebabkan kesulitan dan kelewatan pada pembinaan," katanya.

- Bernama